

AL-HIKMAH

| | | | |
|--------------|----------|-----------------------|-------------|
| Jilid | 9 | ISSN 1985-6822 | 2017 |
| No. | 2 | | 1439 |

- CABARAN BAGI GOLONGAN OKU PENGLIHATAN DALAM MELAKSANAKAN IBADAH SOLAT...3-15
Nurul Asmak Liana Bakar
- HIDUP BERKELUARGA MELALUI DIDIKAN AMALAN Q-ROHANI (AFEKTIF): SATU PENDEKATAN FUZZY DELPHI...16-31
Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Abdul Muqsinh Ahmad, Nurulrabihah Mat Noh
- TAUBAT PENAGIH DAN PENERIMAAN KOMUNITI: KAJIAN KES DI BAITUL CAKNA TERENGGANU ...32-40
Ahmad Tarmizi Yusof, Mohd Safri Ali, Wan Hishamudin Wan Jusoh, Berhanundin Abdullah, Abdul Wahab Ali
- KEPENTINGAN KEROHANIAN DALAM MENANGANI PESAKIT KANSER WANITA MENURUT ISLAM ...41-56
Nora Ahmad @ Aziz, A'dawiyah Ismail, Salasiah Hanim Hamjah
- CIRI-CIRI GPI PROFESIONAL BERASASKAN RIADHAH RUHIYYAH MENURUT PANDANGAN AL-GHAZALI: ANALISIS KANDUNGAN BAB ADAB TERHADAP GURU DALAM KITAB IHYA ULUM AL-DIN ...57-77
Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin
- ISU-ISU DAKWAH DALAM TAFSIR AL-QUR'AN AL-KARIM ...78-86
Nadzrah Ahmad, Sohirin M Solihin, Ahmad Nabil Amir
- TAZKIYAT AL-NAFS DALAM KERANGKA MAQASID AL-SHARIAH ...87-98
Abu Darda Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar, Mohamad Zulkifli Abd Ghani
- PEMELIHARAAN HARTA: ANALISIS MENURUT DIWAN IMAM SHAFTI ...99-112
Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Mohamad Zulkifli Abd Ghani, Najihah Abd. Wahid
- IDENTIFIKASI IDENTITI BISEKSUAL DAN HUBUNGANNYA DENGAN ASPEK SOKONGAN SOSIAL DAN KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN INDIVIDU BISEKSUAL DI MELAKA... 113-130
Suhaya Deraman, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar, Anis Nor Amelia Nor Asikin & Izzah Nur Aida Zur Raffar
- PENERAPAN FIQH AWLAWIYYAT DALAM DAKWAH KEPADA SAUDARA BARU... 131-140
Mohamad Zulkifli Abd Ghani, Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Anuar Puteh, Abdul Ghafar Don
- TEORI KEPIMPINAN DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT DALAM TERMA KEPIMPINAN TRANSFORMASI... 141-153
Nor Anisah Abu Hanipah, Razaleigh Muhamat@Kawangit
- PERSEPSI KHATIB TERHADAP SENI RETORIK DALAM TEKS KHUTBAH JUMAAT JAWI... 154-166
Mohd Azizon Noordin, Zulkefli Haji Aini
- PERLAKSANAAN HISBAH DI MALAYSIA PADA MASA KINI: PERKEMBANGAN DAN HALANGAN... 167-185
Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Wan Alyati Wan Zakaria, Kamaruddin Salleh

• رحمت الله الهندي الكيرانوي وكتابه إظهار الحق: النقد الإسلامي للعهد القديم والجديد ... 204-186

عبد الكبير حسين صالح

Al-Hikmah 9(2) 2017: 154-166

Persepsi Khatib terhadap Seni Retorik dalam Teks Khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Perceptions of Khatib towards Rhetorical Arts in Friday Sermon Text of
Department of Federal Territory Islamic Affairs (JAWI)

MOHD AZIZON BIN NOORDIN*
ZULKEFLI BIN HAJI AINI

ABSTRAK

Khutbah merupakan salah satu medium dakwah bersifat mingguan yang disampaikan oleh khatib di atas mimbar berbentuk nasihat atau pesanan keagamaan. Peranan khutbah telah mengalami perkembangan dan pada masa ini, ia seringkali menjadi perbincangan dan perdebatan di media-media masa. Antara permasalahan yang ditimbulkan ialah khatib sekadar membaca teks khutbah tanpa mempedulikan pendengar, mesej khutbah yang tidak jelas, isi khutbah tidak efektif dan wujud kekeliruan terhadap maksud intipati khutbah. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis persepsi khatib terhadap seni retorik dalam teks khutbah Jumaat JAWI berdasarkan persoalan kajian mengenai persepsi khatib terhadap seni retorik dalam teks khutbah Jumaat JAWI. Kajian ini adalah kajian rintis dalam bentuk kuantitatif menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan data yang diperolehi dikemukakan secara deskriptif. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 23 melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada 26 orang responden yang terdiri dari kalangan khatib di Kuala Lumpur. Hasil kajian rintis mendapati item “*kepelbagaian intonasi suara dibantu oleh kaedah penulisan berbentuk penceritaan dan penerangan di dalam teks khutbah*” dan item “*penggunaan rima yang sama di penghujung ayat mencantikkan gaya bahasa khutbah*” mendapat peratus persetujuan tertinggi iaitu 96.2% dengan nilai skor min = 4.42. Manakala item “*jarang tersasul ketika membaca teks khutbah yang dibekalkan*” mendapat peratusan terendah iaitu 61.5% dengan nilai skor min = 3.46. Melalui kajian ini, kualiti penulisan teks khutbah Jumaat JAWI dapat dipertingkatkan selain dapat membantu keberkesanan penyampaian khatib.

Kata kunci: *khutbah, khatib, seni retorik, teks khutbah Jumaat JAWI*

ABSTRACT

The sermon is one of the weekly medium of da'wah that is presented by the khatib on the platform of advice or religious order. The role of the sermon has been evolving and at present, it is often a discussion and debate in mass media. Among the problems posed was the khatib reading the sermon text without regard to the listener, the message of obscene sermon, the incomplete sermon and the confusion of the essence of the sermon. Accordingly, this study was conducted to analyze the perception of khatib towards rhetorical art in JAWI Friday's sermon based on the question of the perception of khatib towards rhetorical art in JAWI's Friday khutbah text. This study is a pilot study in quantitative form using survey design and data obtained descriptively. The data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 23 through questionnaire which was distributed to 26 respondents from khatib in Kuala Lumpur. The results of the pilot study found that the "diversity of voice intonation was helped by the narrative writing method and explanation in the text of the sermon" and the item "the same reconstruction use at the end of the verse enhanced the sermon language" received the highest percentage of 96.2% with a mean score of 4.42. While items "rare when reading the supplied sermon text" get the lowest percentage of 61.5% with a mean score of 3.46. Through this study, the quality of JAWI's Friday khutbah texts can be enhanced and can help the effectiveness of khatib delivery.

Keywords: *sermon, khatib, rhetorical art, text of JAWI Friday sermon*

PENDAHULUAN

Khutbah merupakan salah satu kaedah perhubungan yang penting dalam masyarakat Arab Jahiliyyah. Menurut Nazir (2010), khutbah merupakan ilmu yang berkait rapat dengan kesenian komunikasi dalam usaha masyarakat Arab Jahiliyyah memartabatkan kabilah. Dari sudut peranan khutbah di sisi masyarakat Arab Jahiliyyah, ia telah berkembang selari dengan perkembangan Islam di zaman tersebut. Menurut al-Maghluts (2014), pensyariatan khutbah telah disesuaikan sebagai salah satu medium penyampaian dakwah yang dipimpin oleh Nabi s.a.w. Selain menjadi salah satu ibadah, khutbah turut mendukung misi sosial berbentuk pendidikan dan mendapat perhatian serius sehingga muncul khatib-khatib yang masyhur seperti Saidina Ali bin Abi Talib r.a. Menurut Muhammad (1934), peranan khutbah tidak lagi terhad sebagai media dakwah semata-mata tetapi telah berkembang menjadi salah satu medium yang penting dalam pentadbiran kerajaan bagi menyampaikan dasar-dasar kerajaan.

Dalam konteks khutbah pada masa kini, teks khutbah Jumaat disediakan oleh badan berautoriti iaitu Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Di Kuala Lumpur, teks khutbah Jumaat disediakan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) melalui penyeragaman tajuk dan isi kandungan teks khutbah merujuk kepada pekeliling khas berkaitan khutbah (2016). Melalui pekeliling tersebut, para khatib di masjid-masjid dan surau Jumaat sekitar Kuala Lumpur diarahkan membaca teks khutbah Jumaat yang disediakan oleh JAWI. Ini bertujuan untuk menyekat wujudnya fahaman-fahaman dan anasir-anasir yang bertentangan dengan akidah, pemikiran dan sebagainya selain memastikan keseragaman di peringkat Wilayah Persekutuan. Oleh yang demikian, adalah penting untuk memastikan teks khutbah yang dihasilkan oleh JAWI menepati selera dan kehendak pendengar di samping dapat membantu penyampaian para khatib.

Menurut Erwin (2014), salah satu aspek yang menentukan berjaya ataupun tidak pelaksanaan khutbah Jumaat adalah isi kandungan yang disajikan. Isi kandungan khutbah yang baik akan menarik minat para pendengar untuk mendengar apa yang disampaikan oleh khatib. Sebaliknya, isi kandungan khutbah yang tidak menarik akan melahirkan perasaan jemu di kalangan jemaah dan menyebabkan mereka tidak gemar mendengar khutbah bahkan cenderung mengantuk. Maka, amatlah penting sesebuah teks khutbah yang dihasilkan mampu memberi impak terhadap para pendengar. Menurut Mohd Yusof (1989) dan Nazir (2010), terdapat beberapa elemen yang penting dalam kerangka teks khutbah Jumaat ialah isi, atau bahan ataupun mesej yang hendak disampaikan.

PERNYATAAN MASALAH

Peranan khutbah Jumaat seringkali menjadi perbincangan dan perdebatan di media-media masa. Perbincangan itu antaranya mengenai mesej dalam khutbah yang disampaikan oleh khatib. Kritikan-kritikan yang dilemparkan mempersoalkan keberkesanan khutbah dalam memacu pendengar ke arah perubahan. Menurut Zaleha (2000) bahawa pendengar terkeliru terhadap mesej yang hendak disampaikan oleh khatib sama ada ia kehendak Islam sebenar atau kehendak khatib dan sekutunya yang mempunyai tujuan-tujuan tertentu yang tersirat dalam khutbah berkenaan. Natijahnya, akan menimbulkan konflik seperti kekeliruan dan perselisihan di kalangan pendengar hingga menjadi punca terputus silaturahim tanpa disedari. Kritikan ini turut disokong oleh Zulkiple (2001) bahawa keberkesanan khutbah melibatkan dua perkara iaitu khatib dan khutbah. Seorang khatib

perlu merancang terlebih dahulu tajuk atau isu-isu yang ingin disampaikan agar dapat meningkatkan keberkesanan khutbah. Polemik berkaitan khutbah ini turut mendapat perhatian oleh Zamri (2003). Melalui kritiknya, beliau menyatakan bahawa khutbah Jumaat di Malaysia menjadi ruang untuk para pekerja melepaskan lelah dengan tidur semasa khutbah Jumaat disampaikan akibat keletihan bekerja di waktu pagi. Malah, terdapat di kalangan mereka yang sengaja melewatkan kehadiran ke masjid untuk tidak mendengar khutbah Jumaat kerana merasakan khutbah sesuatu yang membosankan kerana penyampaian dan kandungan khutbah yang terlalu mendatar ditambah dengan khatib sekadar membaca teks khutbah. Kritikan ini disokong oleh Syed Mikael (2005) bahawa menjadi lumrah kelihatan makmum menguap, terlena dan melepak di gerai-gerai sebelah masjid pada Jumaat saban hari.

Sementara itu, Wan Mohd. Hafiz (2005) turut menyatakan bahawa pendekatan khutbah sudah menjadi satu tradisi yang sinonim bagi umat Islam di negara ini dan menyarankan agar pendekatan atau corak serta isi khutbah diperbaiki supaya lebih efektif terhadap jemaah di samping pemilihan isu-isu khutbah yang bersesuaian dengan sosio budaya umat Islam kini di samping memasukkan input-input ilmiah yang terdiri dari ilmu duniawi dan ukhrawi. Manakala menurut Farouq (2015) bahawa kebanyakan khutbah kurang menarik, membosankan, hambar dan tidak mendapat perhatian. Isi kandungan khutbah juga memerlukan perhatian dan tapisan yang sewajarnya bagi memastikan mesej khutbah yang jelas terhadap masyarakat dan tidak bersifat kepentingan sesuatu kelompok. Menurut Diana Surya (2015), polemik berkaitan khutbah terjadi akibat salah faham yang boleh dikaitkan dengan kemungkinan wujudnya kelemahan terhadap isi kandungan teks khutbah itu sendiri yang kurang menjelaskan secara lebih terperinci maksud sebenar yang ingin disampaikan beserta fakta dan dalil yang autentik. Berdasarkan kritikan-kritikan yang dilemparkan, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) perlu cakna terhadap keperluan masyarakat terhadap isi-isi khutbah yang bersifat semasa agar tidak menjadi polemik di kalangan masyarakat. Polemik berkaitan khutbah ini sewajarnya diselesaikan agar institusi khutbah kekal relevan sebagai medan pembentuk jati diri ummah.

SENI RETORIK DALAM PENULISAN KHUTBAH

Menurut Norian & Darwis (2013), bagi menghasilkan wacana pemujukan yang berteraskan logik, penulis perlu membuat penjelasan dan melahirkan

pandangan dengan jelas dan tepat selain menggunakan retorik klasik dalam karangannya. Ini kerana retorik yang berbeza beroperasi bersama dalam sesuatu wacana. Penggunaan retorik yang tepat dapat membantu mengimbangi tujuan dan bentuk wacana yang dihasilkan.

Menurut kajian Faisal (2005) mendapati teks khutbah Jumaat menggunakan pelbagai pendekatan berbentuk retorik seperti penjelasan, pemujukan, peringatan dan ada juga amaran tentang keburukan sesuatu perkara diperjelaskan dalam teks khutbah dengan harapan agar pengajaran khutbah itu dapat difahami dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat seharian. Manakala kajian Sukarno (2013) mendapati penggunaan retorik dalam teks khutbah mampu memberi kesan kepada pendengar. Ini kerana menerusi dapatan kajian yang diperolehi, penggunaan retorik pembujukan dalam teks khutbah mampu menarik hati-hati pendengar untuk memahami maksud khutbah. Di samping itu, penggunaan retorik *majaz* atau kiasan juga mampu memberi implikasi tertentu yang dapat menimbulkan kesan imaginasi bagi pendengar atau pembacanya. Beberapa bentuk retorik *majaz* yang ditemui dalam teks khutbah Jumaat iaitu *majaz* pertentangan, *majaz* personifikasi, *majaz* litotes, *majaz* sinisme, *majaz* klimaks dan antiklimaks, *majaz* retorik dan *majaz* tautologi. Dapatan kajian mendapati teks khutbah Jumaat yang berkesan menggunakan retorik penceritaan, analogi dan hubungan sebab-akibat.

Sementara itu, menurut kajian Luthfi (2013) mendapati teks khutbah Jumaat berbahasa Arab menggunakan gaya bahasa antiklimaks iaitu gaya bahasa yang berstruktur mengendur. Gagasannya diurutkan dari yang terpenting berturut-turut ke gagasan yang kurang penting. Selain itu, pertanyaan retorik iaitu pertanyaan yang dilontarkan kepada pendengar untuk mencapai efek yang lebih mendalam dan penekanan yang wajar tanpa memerlukan jawapan. Dapatan kajian juga mendapati terdapat penggunaan gaya bahasa kiasan bertujuan mencapai kesejajaran dalam pemakaian kata atau frasa. Manakala Munif (2015) menggariskan beberapa perkara penting dalam pengucapan awam keagamaan. Pertamanya, bahasa melambangkan keperibadian penggunanya. Jika kasar bahasanya, maka kasarlah juga tingkah lakunya. Kedua, pengguna bahasa mesti peka tentang situasi. Kepekaan ini melibatkan hukum, peraturan, larangan, adat, tahap maklumat dan pengetahuan. Terakhir, penghormatan kepada khalayak bahasa dapat ditonjolkan melalui bahasa. Jika tinggi kesantunan bahasanya, maka tinggilah juga tahap penghargaannya. Melalui ketinggian bahasa yang digunakan khatib sebagai pengucap bahasa agama, ia secara tidak langsung merupakan *uslub bi al-hikmah* yang mampu meruntun hati pendengar melalui pembujukan yang menarik.

Justeru, berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para penyelidik berkaitan aplikasi teori dan unsur retorik dalam teks, didapati ia mampu memberi impak positif terhadap khatib dan pendengar. Dalam konteks penulisan teks khutbah, bahasa yang diguna pakai perlu disesuaikan merujuk kepada demografi khatib dan pendengar. Kekeliruan akan wujud akibat kurang faham terhadap bahasa yang digunakan. Sebagai seorang khatib, penyampaian khutbah yang lancar di samping penggunaan retorik dan bahasa pengucapan yang sesuai penting supaya lebih efektif. Melalui penggunaan unsur retorik yang bersesuaian, khatib mampu meningkatkan keberkesanan penyampaian di samping menarik perhatian pendengar terhadap khutbah yang disampaikan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis persepsi khatib terhadap seni retorik dalam teks khutbah Jumaat yang disediakan oleh pihak JAWI. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan rekabentuk kajian tinjauan. Instrumen kajian tinjauan ini menggunakan borang soal selidik dan diedarkan kepada para khatib yang bertugas di masjid-masjid dan surau-sarau Jumaat sekitar Kuala Lumpur secara rawak mudah. Untuk pemilihan jumlah bilangan sampel kajian, pengkaji merujuk kepada Jadual Persampelan Cohen, Manion dan Morrison (2001) iaitu dari jumlah bilangan pegawai masjid seramai 240 orang ialah 132 orang sebagai responden kajian. Data yang diperolehi melalui borang soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan alat uji *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 23. SPSS berfungsi untuk membantu memproses data-data statistik secara tepat dan cepat serta menghasilkan pelbagai dapatan yang dikehendaki. Kajian ini merupakan kajian rintis yang dijalankan ke atas 26 orang responden yang memenuhi kriteria sebagai responden kajian rintis.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian ini membincangkan persepsi khatib terhadap seni retorik dalam teks khutbah Jumaat JAWI. Berikut adalah jadual mengenai taburan peratusan, min dan sisihan piawai persepsi khatib terhadap seni retorik dalam teks khutbah Jumaat JAWI.

Jadual 1 Taburan Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Seni Retorik dalam Teks Khutbah Jumaat JAWI

| Bil. | Seni Retorik dalam Teks Khutbah Jumaat JAWI | STS | TS | TP | S | SS | Min | S.P |
|-------------|---|------------|-----------|-----------|------------|--------------|------------|------------|
| 1 | Saya bersetuju penggunaan perkataan-perkataan di dalam teks khutbah mudah disebut. | 0 0.0 | 3 11.5 | 0 0.0 | 16 61.5 | 7 26.9 | 4.04 | 0.87 |
| 2 | Saya bersetuju ayat di dalam teks khutbah ringkas dan padat. | 0 0.0 | 3 11.5 | 0 0.0 | 14 53.8 | 9 34.6 | 4.12 | 0.91 |
| 3 | Saya bersetuju bahasa kiasan di dalam teks khutbah menarik dan efektif. | 0 0.0 | 1 3.8 | 2 7.7 | 17 65.4 | 6 23.1 | 4.08 | 0.69 |
| 4 | Saya bersetuju teks khutbah menggunakan bahasa yang sederhana dan difahami. | 0 0.0 | 1 3.8 | 1 3.8 | 19 73.1 | 19.2 19.2 | 4.08 | 0.63 |
| 5 | Saya bersetuju penyampaian saya dibantu oleh ayat berbentuk seruan dan pujukan. | 0 0.0 | 0 0.0 | 2 7.7 | 13 50.0 | 11 42.3 | 4.35 | 0.63 |
| 6 | Saya bersetuju teknik penulisan berbentuk penceritaan dan penerangan di dalam teks khutbah membantu mempelbagaikan intonasi suara saya. | 0 0.0 | 0 0.0 | 1 3.8 | 13 50.0 | 12 46.2 | 4.42 | 0.58 |
| 7 | Saya bersetuju persoalan-persoalan yang diajukan di dalam teks khutbah adalah relevan. | 0 0.0 | 0 0.0 | 2 7.7 | 16 61.5 | 8 30.8 | 4.23 | 0.59 |
| 8 | Saya bersetuju perbandingan terhadap sesuatu isu adalah bersesuaian. | 0 0.0 | 0 0.0 | 2 7.7 | 17 65.4 | 7 26.9 | 4.19 | 0.57 |

| | | | | | | | | |
|----|---|----------|-----------|-----------|------------|------------|------|------|
| 9 | Saya bersetuju penggunaan rima yang sama di penghujung ayat mencantikkan gaya bahasa khutbah. | 0 0.0 | 0 0.0 | 1 3.8 | 13 50.0 | 12 46.2 | 4.42 | 0.58 |
| 10 | Saya jarang tersasul ketika membaca teks khutbah yang dibekalkan. | 0 0.0 | 7 26.9 | 3 11.5 | 13 50.0 | 3 11.5 | 3.46 | 1.03 |

Sumber: *Soal Selidik 2017*

Jadual 1 memaparkan hasil dapatan kajian persepsi khatib terhadap seni retorik dalam teks khutbah Jumaat JAWI terhadap responden yang terdiri daripada khatib di masjid dan surau Jumaat di Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan item ke-1 memiliki nilai skor min = 4.04 dengan sisihan piawai = 0.87. Sementara item ke-2 memiliki nilai skor min = 4.12 dengan sisihan piawai = 0.91. Manakala item ke-3 memiliki nilai skor min = 4.08 dengan sisihan piawai = 0.69. Untuk item ke-4, nilai skor min = 4.08 dengan sisihan piawai = 0.63. Seterusnya item ke-5, nilai skor min = 4.35 dengan sisihan piawai = 0.63. Item ke-6 menunjukkan hasil dapatan kajian dengan nilai skor min = 4.42 dengan sisihan piawai = 0.58. Manakala item ke-7 memiliki nilai skor min = 4.23 dengan sisihan piawai = 0.59. Sementara item ke-8 memiliki nilai skor min = 4.19 dengan sisihan piawai = 0.57. Untuk item ke-9, menunjukkan nilai skor min = 4.42 dengan sisihan piawai = 0.58. Manakala item terakhir iaitu item ke-10 memiliki nilai skor min = 3.46 dengan sisihan piawai = 1.03.

Analisis kajian menunjukkan bahawa item ke-6 iaitu “*Saya bersetuju teknik penulisan berbentuk penceritaan dan penerangan di dalam teks khutbah membantu mempelbagaikan intonasi suara saya*” dan item ke-9 iaitu “*Saya bersetuju penggunaan rima yang sama di penghujung ayat mencantikkan gaya bahasa khutbah*” memiliki nilai skor min tertinggi = 4.42 dan sisihan piawai = 0.58 dengan peratus persetujuan 96.2%. Menerusi dapatan ini, dapat disimpulkan bahawa teks khutbah berbentuk penceritaan dan penerangan sangat membantu para khatib untuk mempelbagaikan intonasi suara ketika berkhotbah. Selain itu, penggunaan rima yang sama di penghujung ayat menjadikan gaya bahasa khutbah lebih menarik. Ini dapat dijelaskan oleh Asrul & Nor Azuwan (2015) bahawa penggunaan teknik retorik yang pelbagai dalam penulisan mampu mempengaruhi emosi pembaca mahu pun pendengar dan dapat meningkatkan kesedaran yang lebih baik terhadap mesej yang dibawa. Ini disokong oleh Faisal (2005)

bahawa khutbah dapat difahami dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat seharian menerusi penggunaan pelbagai pendekatan retorik seperti penjelasan, pemujukan, peringatan dan ada juga amaran tentang keburukan sesuatu perkara. Hal yang demikian kerana para khatib dibekalkan teks khutbah oleh JAWI dan telah menjadi tanggungjawab untuk membaca khutbah sepertimana yang telah diarahkan namun adalah menjadi keutamaan agar khutbah yang dibaca mampu memberi kesan terhadap diri dan pendengar.

Oleh yang demikian, adalah penting teks khutbah Jumaat yang disediakan oleh JAWI menggunakan teknik retorik dalam penulisan yang bersesuaian untuk penyampaian khutbah yang lebih berkesan. Ini bersesuaian dengan saranan Allah S.W.T. sebagaimana firman-Nya:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِّلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ
بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: “Serulah (manusia) kepada jalan Rabbmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Rabbmu, Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetabui orang-orang yang mendapat petunjuk.”

(al-Quran, al-Nahl: 125)

Sementara itu, item kedua tertinggi merujuk Jadual 1 ialah item ke-5 iaitu “*Saya bersetuju penyampaian saya dibantu oleh ayat berbentuk seruan dan pujukan*” dengan nilai skor min = 4.35 dan sisihan piawai = 0.63 dengan peratus persetujuan 92.3%. Menurut Sukarno (2013) bahawa penggunaan retorik dalam teks khutbah mampu memberi kesan kepada pendengar. Penggunaan retorik pembujukan dalam teks khutbah berkesan mampu menarik hati-hati pendengar untuk memahami maksud khutbah. Ini juga dijelaskan oleh John E. Jordon (dalam Nor Raudah 2000) bahawa pembujukan digunakan untuk mempengaruhi khalayak agar memberi reaksi tertentu terhadap perkara yang disampaikan oleh perucap. Sebagai khatib, penggunaan retorik pembujukan dalam teks khutbah akan membantu mengendurkan situasi semasa penyampaian khutbah. Ini bertujuan untuk memujuk hati-hati pendengar untuk lebih terkesan terhadap mesej yang ingin diketengahkan. Ini disokong oleh Rosmawati, Zulkefli & Muhammad Faisal (2015) bahawa adab terhadap pendengar ialah berusaha membina

hubungan kejiwaan dengan pendengar, fokus kepada hati dan emosi dengan meneliti kepelbagaian demografi atau latar belakang pendengar. Ini bertepatan dengan kaedah dakwah *khatib al-nas 'ala qadr 'uqulihim* iaitu berbicara dengan manusia mengikut tahap kemampuan daya berfikir mereka.

Selain itu, berdasarkan Jadual 1 menunjukkan item ke-10 iaitu “*Saya jarang tersasul ketika membaca teks khutbah yang dibekalkan*” memiliki nilai skor min terendah = 3.46 dan sisihan piawai = 1.03 dengan peratus persetujuan 61.5%. Dalam penulisan khutbah, pemilihan seni retorik dan bahasa yang bersesuaian dengan demografi khatib adalah perlu dititikberatkan. Menurut Munif (2015), penggunaan bahasa yang bersesuaian adalah penting kerana ia melambangkan keperibadian penggunaannya. Selain itu, penggunaan bahasa juga perlu disesuaikan dengan situasi semasa agar menunjukkan kepekaan terhadap realiti yang melibatkan hukum, peraturan, larangan, adat, tahap maklumat dan pengetahuan. Hal yang demikian kerana setiap khatib mempunyai tahap pendidikan yang berbeza antara satu sama lain di samping faktor umur. Perbezaan kemampuan ini memberi kesan terhadap penyampaian khatib dan menjejaskan penerimaan mesej di kalangan pendengar. Natijahnya, khutbah akan dilihat kurang efektif oleh pendengar dan peranan khutbah sebagai medium dakwah mingguan tidak kesampaian.

Jadual 2 Nilai Min Mengikut Skor dan Tahap

| Skor Min | Tahap |
|------------------|------------------|
| 1.00 hingga 2.00 | Rendah |
| 2.01 hingga 3.00 | Sederhana Rendah |
| 3.01 hingga 4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4.01 hingga 5.00 | Tinggi |

Sumber: *Mohamed Najib & Siok Beng (2011)*

Berdasarkan Jadual 2 di atas memaparkan nilai min mengikut skor dan tahap persepsi khatib terhadap seni retorik dalam teks khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Nilai skor min dibahagikan kepada empat tahap iaitu rendah = 1.00 hingga 2.00, sederhana rendah = 2.01 hingga 3.00, sederhana tinggi = 3.01 hingga 4.00 dan tinggi = 4.01 hingga 5.00.

Hasil analisis dapatan kajian, persepsi khatib terhadap seni retorik dalam teks khutbah Jumaat JAWI menunjukkan sembilan item memiliki tahap yang tinggi dengan nilai skor min yang tinggi antara 4.01 hingga 5.00. Hal ini menunjukkan penggunaan seni retorik berbentuk penceritaan, penerangan, seruan dan pembujukan yang bersesuaian membantu para khatib dalam penyampaian khutbah secara berkesan selain penggunaan teknik retorik yang lain. Melalui penulisan beretorik juga membantu para khatib mempelbagaikan nada dan intonasi sesuai untuk menarik minat pendengar terhadap mesej yang ingin diketengahkan. Ini dijelaskan oleh Shia Ho (2013) bahawa penggunaan unsur retorik membolehkan pendengar menerokai dan menyelami mesej sebenar yang ingin disampaikan. Ini menunjukkan teks khutbah Jumaat JAWI menerusi penulisan beretorik membantu penyampaian khatib di atas mimbar.

Manakala satu item memiliki tahap sederhana tinggi dengan nilai skor min 3.01 hingga 4.00 iaitu berkaitan kelancaran pembacaan teks khutbah. Sebagai seorang khatib, penyampaian khutbah yang lancar juga termasuk di dalam personaliti khatib yang berkredibiliti. Menurut John Adair (2009), personaliti mampu mencorak dan mempengaruhi kredibiliti seseorang individu. Fadzilah (1991) menjelaskan bahawa kewibawaan seseorang khatib dipengaruhi dari sudut kelulusan dan latihan, keupayaan mempengaruhi pendengar, peranan sebagai sumber rujukan, penglibatan dalam hal kemasyarakatan, penghormatan masyarakat, pergaulan dengan anggota masyarakat dan tahap keilmuan. Oleh yang demikian, penggunaan bahasa dan perkataan-perkataan yang bersesuaian adalah penting bersesuaian dengan demografi khatib. Hal ini dijelaskan oleh Jumali (dalam Rosmawati, Zulkefli & Muhammad Faisal, 2015) bahawa perlunya mempunyai persediaan yang rapi dari segi mental, fizikal dan kerohanian. Ini bagi memastikan dirinya benar-benar bersedia dengan penuh keyakinan berhadapan dengan pendengar yang mempunyai pelbagai latar belakang dan karenah. Selain itu, penguasaan kemahiran berbahasa dengan baik di samping mempunyai kemampuan menguasai isi, idea, data dan fakta di samping menggunakan bahasa yang sesuai.

KESIMPULAN

Melalui analisis terhadap dapatan kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa teks khutbah Jumaat JAWI menepati kehendak para khatib di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Teks khutbah JAWI menggunakan teknik retorik dalam penulisan yang bersesuaian dan membantu

penyampaian khatib semasa membaca khutbah. Sementara itu, analisis kajian ini juga mendapati terdapat kelemahan di kalangan khatib iaitu tidak lancar dalam penyampaian khutbah. Kelemahan ini dikesan berpunca aspek personaliti khatib. Ini kerana perbezaan demografi seperti faktor usia dan pendidikan perlu menjadi kayu ukur dalam menghasilkan teks khutbah. Justeru, JAWI sebagai badan berautoriti perlu mengambil inisiatif yang bersesuaian dalam meningkatkan kualiti penulisan teks khutbah dengan memberi latihan penulisan kepada panel penulis khutbah. Selain itu, JAWI juga perlu memberi latihan pengukuhan ilmu komunikasi terhadap para khatib agar dapat membantu menghasilkan khatib berkredibiliti. Hal yang demikian bertujuan memastikan matlamat khutbah sebagai medium dakwah akan tercapai terutamanya dalam memastikan mesej-mesej kebaikan dapat diadaptasi oleh pendengar.

RUJUKAN

- Asep Syamsul M. Romli. 2013. *Komunikasi Dakwah: Pendekatan Praktis*. Bandung: ASM. Romli.
- Eddy Rosyadie. 2007. *Juara Pentas: Panduan Praktikal Pengucapan Awam*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail bin Umar bin Kathir al-Quraisy al-Dimashqi. 1999. *Tafsir al-Qur'an al-'Adzhim*. Cet. ke-2. Jil. 4. Arab Saudi: Darul Tayyibah lil al-Nashri wa al-Tauzi'.
- John Adair. 2009. Ed. ke-1. *Membina Kemahiran Kepimpinan*. Terjemahan: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.
- John Louis Lucaites, Celeste Michelle Condit & Sally Caudill. 1999. *Contemporary Rhetorical Theory: A Reader*. New York: The Guilford Press.
- Muhammad Nashirudin. 2002. *Pembahasan Mengenai Khutbah Juma'at*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Nasir Mustaffa Adlabi. 1995. Ed. ke-1. *Jaulan fi Fann al-Khatabah*. Amman: Dar al-Fathi.
- Nazir Muhammad Maktabi. 2010. Ed. ke-7. *Khasais al-Khutbah wa al-Khatib*. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.
- Ramadhan Muhammad Abdul Razak. 2008. Jil. 1. *Al-Jami' fi al-Khutba*. Kaherah: al-Azhar al-Shariff.
- Seri Lanang Jaya Rohani, Dahlia Janan. 2012. *Terampil Berbahasa*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Erwin Jusuf Thaib. 2014. *Analisis Minat Jamaah Masjid Terhadap Penyampaian Khutbah Jumaat di Kecamatan Talaga Jaya, Kabupaten Gorontalo*. Jurnal Madani 4 (1): 75-94.
- Fadzilah Kamsah. 1991. *Membudayakan Kecemerlangan dalam Penyampaian Khutbah: Satu Kajian Kes di Negeri Pahang Darul Makmur*. Jurnal Komunikasi 7 (4): 37-46.
- Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid. 2005. *Siri Khutbah Jumaat Dalam Majalah Pengasuh: Tinjauan Terhadap Tajuk dan Gaya Penulisan*. Jurnal Usuluddin 22 (7): 121-136.
- Luthfi Muhyiddin. 2013. *Gaya Bahasa Khutbah Jum'at (Kajian Pola Retorika)*. Jurnal at-Ta'dib 8 (2): 299-315.
- M. Tahir. 2013. *Khutbah Jum'at di Kota Samarinda (Analisis Kesiapan Para Khotib di Kota Samarinda)*. Jurnal FENOMENA 5 (2): 229-240.
- Sobariah binti Baharum. 2010. *Retorik dalam Novel-novel Abdullah Hussain*. Arkib Jurnal Penyelidikan: 27-38.
- Sukarno. 2013. *Retorika Persuasi sebagai Upaya Memengaruhi Jamaah pada Teks Khotbah Jumat*. Jurnal Humaniora 25 (2): 215-227.
- Wong Shia Ho. 2013. *Bahasa Figuratif sebagai Wahana Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik*. Jurnal Bahasa 13 (1): 39-63.
- Yusuf Hamdan. 2007. *Karakteristik Khutbah Jumat di Mesjid Kampus: Perspektif Komunikasi*. Jurnal Komunikasi Mediator 8 (2): 353-368.

*Mohd Azizon Bin Noordin
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
Mel-e: ahmadalfateh5115@gmail.com